

12/09/2001

Malaysia mungkin beli pesawat Britain

Azman Abdul Hamid in London

LONDON, Selasa - Malaysia akan terus menekankan dasar pertahanan menerusi kawalan udara, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan akan mengkaji kemungkinan membeli pesawat baru termasuk dari Britain pada masa depan.

"Kami menaruh harapan bahawa firma Britain akan turut melakukan pemindahan teknologi berhubung industri pertahanan," katanya merujuk pembelian pesawat Superlynx untuk kegunaan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Beliau bagaimanapun berkata, rancangan membeli pesawat pejuang pelbagai fungsi, Sukhoi 30, masih dipertimbangkan.

"Kami belum membuat keputusan muktamad kerana ada banyak perkara yang perlu dikaji. Pesawat itu perlu diuji sepenuhnya sebelum sebarang keputusan dibuat," katanya kepada wartawan Malaysia di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sini semalam selepas mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Pertahanan Britain, Geoff Hoon.

Najib berkata pertemuan mereka tertumpu kepada hubungan dua hala dan kerjasama pertahanan.

Dalam pertemuan itu, beliau berkata, mereka berbincang mengenai jadual penghantaran pesawat Superlynx dan kerjasama penyelenggaraan pesawat seperti jet pejuang Hawk.

Beliau berkata, Malaysia dan Britain mempunyai hubungan baik dalam bidang pertahanan dan berharap kerjasama itu dapat dikekalkan.

Najib yang akan mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Russia dan beberapa ibu negara Eropah lain, tiba di sini hujung minggu lalu.

Semalam, beliau turut mengesahkan kenaikan pangkat Atase Pertahanan Kedutaan Malaysia di sini, Kolonel Kamaruddin Mattan, kepada Brigadier Jeneral.

Hari ini, Najib mengunjungi pameran pertahanan di Pusat Pameran Excel di Docklands.

Antara tempat kunjungan termasuk kawasan pameran firma pertahanan BAE Systems, Westland Helicopters dan Lockheed Martin.

Mengenai insiden dua askar ditahan kerana disyaki terbabit dalam rompakan bank di Melaka, minggu lalu, Najib berkata, kementeriannya memandang serius kejadian itu.

(END)